



MESRA... Jamil beramah mesra dengan pelajar Usim.

Kelirukan syariah

NILAI: "Umat Islam perlu memperkukuh dan memperkemaskan ilmu agama serta iman di dada," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau mengulas pengharapan buku penulis kontroversi, Irshad Manji iaitu 'Allah, Kebebasan dan Cinta' oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang dikatakan mengandungi unsur mengelirukan dengan syariah.

Menurut Jamil, Irshad dilihat membawa pelbagai pemikiran sendiri dan apa akan berlaku pada masa depan jika umat Islam leka.

Beliau ditemui pada Majlis Pemimpin Bersama Pelajar Universiti Sains Islam (Usim) di Stadium Tertutup Nilai, di sini, malam kelmarin.

Hadir sama Naib Canselor Usim, Prof Datuk Muhammad Muda.

Sementara itu, dalam perkara berasingan, Jamil berkata, negara ini memerlukan graduan dan modal insan seimbang daripada segi jasmani, rohani dan intelektual.

"Pelajar perlu menggunakan pertimbangan ilmu dan akal yang waras dalam menghadapi serta menangani sesuatu isu, terutama membabitkan permasalahan ummah," katanya.